

# Akademi Sukan UPM jadi pusat penyelidikan

Oleh Norzilawati Abdul Halim

AKADEMI Sukan, Universiti Putra Malaysia (UPM) akan terus berfungsi menyediakan prasarana, menjalankan penyelidikan, menjana ilmu dan menjadi pusat terunggul ke arah menjadikan universiti itu bertaraf dunia menjelang 2010.

Pengaruhnya, Prof Dr Shamsher Mohamed, berkata penubuhan akademi itu disifatkan yang pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bertujuan mempertingkatkan mutu sukan melalui pendekatan saintifik.

Beliau berkata, akademi itu mempunyai visi untuk menjadi pusat rujukan dalam pelbagai aspek berkaitan sukan.

"Keupayaan dan kekuatan akademi ini terletak kepada kepakaran tenaga pengajar yang berkelulusan doktor falsafah dalam pelbagai bidang sains sukan seperti Kawalan Motor, Biomekanik, Fisiologi Senam dan Pemakanan Sukan serta Pengurusan Sukan selain kemudahan makmal.

"Kini, terdapat tiga laboratori atau makmal sukan utama dalam akademi ini iaitu Laboratori Pembangunan Industri Sukan, Instrumentasi dan Analisis Kemahiran dan Prestasi Fizikal.

"Dengan adanya laboratori itu, kami berharap akademi ini akan menjadi pelengkap kepada aktiviti anjuran Majlis Su-

kan Negara (MSN) dan agensi sukan tempatan lain," katanya kepada Berita Harian, di UPM, Serdang, semalam.

Mengenai fungsi laboratori itu, Dr Shamsher berkata kemudahan itu jika digunakan sepenuhnya mampu mempertingkatkan pengurusan, pengujian dan penilaian tahap prestasi fizikal atlit serta mereka bentuk instrumen yang boleh digunakan untuk mengenal pasti bakat sukan seseorang atlit.

Tambah beliau, akademik itu mampu menyebarkan hasil penyelidikan melalui latihan serta kursus jangka pendek kepada jurulatih, pegawai serta pengurus sukan.

"Secara tidak langsung, mereka akan menjadi nukleus di peringkat akar umbi dan dapat membantu menghasilkan kumpulan pelapis.

Selain itu, Dr Shamsher berkata, penubuhan akademi dibayai UPM, sementara aktiviti penyelidikan menggunakan sumber kewangan daripada Skim Peningkatan Penyelidikan Bidang Keutamaan.

Mengenai kemasukan pelajar ke akademik itu, Prof Shamsher, berkata UPM dengan kerjasama MSN telah menandatangani perjanjian persefahaman bagi membantu proses pengambilan atlit baru.

"Sehingga tahun lalu, seramai 100 graduan atlit mengikuti pelbagai program sukan peringkat sarjana, bachelors dan juga diploma berjaya dihasilkan," katanya.